

APLIKASI PRINSIP PERANCANGAN DALAM KARYA TERPILIH JERMAN, DOWNFALL: SATU BACAAN PENDEKATAN PENGURUSAN

Mohamad Zuber Ismail

Tel: +6017 650 1746

zuber77@iium.edu.my

Nursyuhada Muhamad

Tel: +6010 203 7464

nursyuhada7531@gmail.com

Arina Johari

Tel: +6019 237 1047

arinajr@iium.edu.my

*Kulliyah Bahasa dan Pengurusan
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia*

ABSTRAK

Filem merupakan sebuah industri kreatif bersifat perbincangan serta melibatkan idea dan pemikiran kreatif dan kritis. Filem turut mengangkat seni dan warisan budaya sesuatu bangsa dan masyarakat selain mengangkat aspek-aspek pengurusan yang boleh diteladani. Justeru, kajian ini menekuni satu pendekatan baharu yang bersifat rentas disiplin ilmu dalam dunia kritikan sastera tanah air, iaitu Pendekatan Pengurusan oleh Mohamad Mokhtar Abu Hasan (2013). Terdapat lima prinsip utama iaitu prinsip perancangan, kepimpinan, pengorganisasian, penstafan dan kawalan. Kajian ini menumpukan prinsip yang pertama iaitu, prinsip perancangan untuk menganalisis sebuah karya terpilih dari negara Jerman, iaitu Downfall. Filem bergenre aksi, dan patriotik ini merupakan hasil arahan Oliver Hirschbiegel dan ditulis oleh Bernd Eichinger. Filem ini dianalisis berdasarkan struktur yang dilihat berupaya untuk menstrukturkan proses pengeluaran makna kepada masyarakat terutamanya dari aspek pengurusan. Prinsip Perancangan ini dianalisis berdasarkan Model Prinsip Perancangan, iaitu menetapkan objektif, membentuk strategi, kajian semula strategi, memilih strategi dan, pencapaian objektif. Objektif kajian untuk mengenal pasti dan menganalisis prinsip perancangan berdasarkan peringkat-peringkat perancangan yang terdapat dalam filem terpilih Jerman, iaitu Downfall. Kaedah kepustakaan dan kaedah analisis teks diaplikasi dalam kajian ini. Hasil dapatan kajian jelas membuktikan bahawa filem ini memperlihatkan kecenderungan yang tinggi terhadap pengaplikasian prinsip perancangan yang menyerlah dan dominan terhadap peristiwa-peristiwa terpilih. Prinsip perancangan yang diketengahkan merupakan sesuatu yang relevan dalam memberikan impak yang positif terhadap pembentukan dan pengurusan jati diri. Kajian ini diharap mampu membuka satu lembaran baharu dalam dimensi pendidikan dan pembentukan jiwa generasi muda hari ini dalam proses merealisasikan matlamat bertitik tolak daripada pengurusan perancangan yang bijak dan sistematik.

Kata Kunci: *pendekatan pengurusan, prinsip perancangan, peringkat-peringkat perancangan.*

PENGENALAN

Pendekatan Pengurusan ini adalah hasil cetusan idea seorang sarjana tempatan, iaitu Profesor Dr. Mohamad Mokhtar Abu Hassan, seorang sarjana dalam bidang kesusasteraan Melayu dari Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya. Pendekatan Pengurusan merupakan satu idea baharu yang diketengahkan dalam dunia kritikan sastera tanah air dalam usaha untuk mencari kaedah terbaharu mempelbagaikan teknik kritikan dalam mengkaji dan menganalisis karya-karya sastera tempatan. Menurut Mohamad Mokhtar Abu Hassan (2013), pendekatan ini mengandungi rumusan dan formula yang berupa prinsip-prinsip pengurusan yang dapat diaplikasikan dalam karya atau teks sastera. Di bawah Pendekatan Pengurusan terdapat lima prinsip utama iaitu prinsip perancangan, kepimpinan, pengorganisasian, penstafan dan kawalan.

Kajian yang akan dijalankan adalah untuk melihat unsur kepimpinan yang ditonjolkan dalam kalangan watak yang dilakon semula dalam filem *Downfall* (2004) ini. Filem yang dipilih mengisahkan kisah kepimpinan Adolf Hitler semasa Jerman berada di ambang kekalahan ketika bertempur dengan Rusia. Kepimpinannya memperlihatkan dengan jelas disiplin tenteranya adalah suatu perkara yang perlu dibanggakan serta perlu diketengahkan kepada masyarakat kini. Perkara ini secara tidak langsung menjelaskan bahawa masyarakat kini kurang didedahkan dengan peristiwa sejarah pada zaman lalu lebih-lebih lagi di negara luar. Penulisan karya sastera yang berkisar tentang sejarah menyimpan masa lampau manusia dan dapat memberikan informasi-informasi tentang masa lalu. (Hanafiah, 2010). Veeramuthu (2019) turut menyatakan bahawa kajian terhadap sesuatu bangsa juga dilihat kurang kerana memerlukan pengamatan dan pengetahuan yang tinggi dalam mengkaji bangsa tersebut. Kajian terhadap Pendekatan Pengurusan yang menggunakan prinsip kepimpinan ini dianggap dapat dijadikan sumber rujukan serta menjadikan dunia kritikan sastera menjadi lebih menarik lebih-lebih lagi terhadap filem. Andaian yang melihat industri filem sebagai sebuah institusi hiburan semata-mata yang hanya memberikan apa yang diinginkan oleh penonton perlu dihakiskan. Ini kerana “*what the public wants means what the dominant ideology wants*” (Nichols, 1976: 26).

OBJEKTIF KAJIAN

Makalah ini bertujuan untuk mengenalpasti sebuah karya terpilih dari negara Jerman, iaitu *Downfall* (2004). Filem ini merupakan hasil arahan Oliver Hirschbiegel dan ditulis oleh Bernd Eichinger. Filem bergenre aksi, patriotik dan kenegaraan ini diteliti, dikaji dan dianalisis berdasarkan struktur yang terdapat di dalamnya yang dilihat berupaya untuk menstrukturkan proses pengeluaran makna kepada masyarakat terutamanya dari aspek pengurusan. Selain itu, makalah ini akan menganalisis dimensi peringkat-peringkat perancangan dalam filem *Downfall* (2004) berdasarkan prinsip perancangan bawah pendekatan pengurusan yang diketengahkan oleh Mohamad Mokhtar (2013).

SOROTAN KAJIAN

Kajian Mohamad Mokhtar Abu Hassan (2013), dalam kertas kerja yang dibentangkan dalam Seminar Bahasa dan Kekuasaan Melayu di Universiti Perguruan Sultan Idris, bertajuk “*Pendekatan Pengurusan: Satu Metode dalam Kritikan Sastera*” telah meneliti cerita-cerita rakyat berdasarkan Pendekatan Pengurusan. Kajian ini mengkaji Pendekatan Pengurusan berlandaskan Prinsip Perancangan dengan membataskan perbincangan berdasarkan dua buah cerita rakyat iaitu “*Sang Kancil dan Buaya*” dan “*Lebai Malang*”. Kertas kerja yang sama turut mengupas persoalan pengurusan dalam cerpen yang bertajuk “*Di Sebalik Tirai Makna*”, hasil karya Awang Said

Mokhtar. Kajian tersebut mengetengahkan Pendekatan Pengurusan berdasarkan Prinsip Pengorganisasian dan Prinsip Penstafan.

Sambutan terhadap kajian Pendekatan Pengurusan mula mendapat perhatian menerusi kajian-kajian yang telah dilaksanakan. Antara pengkaji yang menerapkan Pendekatan Pengurusan dalam kajian ialah Mohamad Zuber Ismail et al. (2014), dalam kertas kerja yang bertajuk “*Prinsip Perancangan: Penelitian berdasarkan Cerita-cerita Rakyat*”. Berdasarkan kajian tersebut, Mohamad Zuber Ismail et al. (2014) menganalisis *Koleksi 366 Cerita Rakyat Melayu* hasil karya Othman Puteh dan Aripin Said. Seterusnya, kajian yang mengaplikasikan Pendekatan Pengurusan diteruskan lagi oleh Mohamad Zuber Ismail, Mohamad Mokhtar Abu Hassan, et al. (2015) dalam kajian bertajuk “*Keintelektualan Pemikiran Melayu dalam Cerita Lipur Lara: Penelitian Awal berdasarkan Perspektif Pendekatan Pengurusan*” turut memperlihatkan pengaplikasian Prinsip Kepimpinan dan Prinsip Perancangan.


Berikutnya, kajian mengenai Pendekatan Pengurusan ditelah diterbitkan dalam *Journal of Malay Studies* (JOMAS) oleh Mohamad Zuber Ismail, Sara Beden, et al. (2015) yang bertajuk “*Hikayat Awang Sulung Merah Muda dari Perspektif Pendekatan Pengurusan*”. Kajian tersebut memberi fokus terhadap Prinsip Kepimpinan. Kaedah kepustakaan dan kaedah analisis teks merupakan dua kaedah yang diaplikasikan dalam kajian ini. Objektif utama kajian tersebut adalah untuk menganalisis Prinsip Kepimpinan yang digunakan dalam *Hikayat Awang Sulung Merah Muda*. Hasil analisis memperlihatkan Prinsip Kepimpinan dalam hikayat tersebut amat dominan dan signifikan dalam menggambarkan pengurusan kepimpinan bertitik tolak daripada analisis terhadap struktur karya. Secara kesimpulannya, Prinsip Kepimpinan yang dipaparkan dalam *Hikayat Awang Sulung Merah Muda* dapat mengangkat aspek pengurusan dalam teks karya sastra tradisional sejak zaman tradisi lisan.

Mohamad Zuber Ismail dan Mohamad Mokhtar Abu Hassan (2016) menerusi kajian terbitan JOMAS telah mengemukakan satu pandangan baharu dalam dunia pengkajian kesusasteraan yang rentas disiplin dengan ilmu pengurusan moden yang terdapat dalam cerita lipur lara Melayu, iaitu “*Dimensi Perancangan dalam Hikayat Malim Dewa: Kajian Pendekatan Pengurusan*”. Prinsip Perancangan ini dianalisis berdasarkan dimensi-dimensi perancangan, iaitu dimensi menetapkan objektif, dimensi membentuk strategi, dimensi pilihan alternatif, dimensi menilai langkah-langkah alternatif, dimensi memilih satu cara dan dimensi kajian semula ke arah merealisasikan objektif yang disasarkan. Hasil analisis memperlihatkan Prinsip Perancangan dalam *Hikayat Malim Dewa* signifikan menggambarkan perancangan bijak pemimpin yang meneraju negara demi merealisasikan objektif yang disasarkan bertitik tolak daripada analisis terhadap struktur karya. Pengurusan perancangan yang diaplikasikan watak menyerlah dan ternyata prinsip tersebut memperlihatkan kesignifikan sebagai landasan kajian. Kajian telah membuktikan bahawa Prinsip Perancangan merupakan satu indikator penting dalam mengangkat kebijaksanaan pemikiran pemimpin. Secara kesimpulannya, Prinsip Perancangan yang dipaparkan dalam *Hikayat Malim Dewa* memperlihatkan kecenderungan yang tinggi dalam memperlihatkan satu ciri penting aspek pengurusan dalam teks karya sastra tradisional.

Sara Beden (2018) dalam kajian yang bertajuk “*Perancangan Bestari Dalam Hikayat Khoja Maimun: Aplikasi Prinsip Perancangan Dalam Pendekatan Pengurusan*” adalah bertujuan untuk menganalisis strategi penyelesaian masalah yang berhubung dengan isu moral dalam prosa tradisional *Hikayat Khoja Maimun*. Pengkaji telah menggunakan Pendekatan Pengurusan memfokuskan prinsip perancangan. Dapatan menjelaskan bahawa Bayan, watak utama dalam

hikayat ini telah berjaya menyelesaikan misinya iaitu menghalang Bibi Zainab daripada berlaku curang terhadap suaminya, Bayan telah berhasil membentuk strategi-strategi seperti pujian dan sokongan, teknik analogi peribadi, bercerita atau berhikayat, pertanyaan, membuat kritikan dan sokongan, menarik perhatian dan memberikan nasihat. Kombinasi strategi perancangan dalam menyelesaikan konflik yang pelbagai dalam kajian ini telah memperlihatkan pemikiran watak utama yang kritis dan kreatif dalam menyelesaikan sesuatu isu.

KERANGKA KAJIAN



METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan dua kaedah, iaitu kaedah penyelidikan kepustakaan dan kaedah analisis dokumen atau teks. Kaedah analisis teks dilakukan dengan memilih teks yang sesuai dan melalui proses pembacaan yang teliti bagi mengenal pasti struktur yang relevan dengan Dimensi Peringkat-peringkat perancangan di bawah Prinsip Perancangan. Penelitian analisis memberi fokus terhadap struktur, iaitu watak dan perwatakan, peristiwa, isu, persoalan, latar dan nilai yang diperincikan dan diteliti dari segi tindakan dan pemikiran yang terkandung dalam filem *Downfall*. Sebagai contoh, (i) Peristiwa Perancangan Adolf Hitler Mencari Setiausaha Peribadi, (ii) Peristiwa Perancangan Himmler Memujuk Adolf Hitler Meninggalkan Berlin, (iii) Peristiwa Perancangan Adolf Hitler Melancarkan Serangan Kembali ke Tentera Merah dan Membunuh Diri dan (iv) Peristiwa Perancangan Bunuh Diri Beramai-Ramai oleh Keluarga Goebbels di Berlin. Pengkaji telah mentranskripsi keseluruhan teks dalam filem tersebut dan memilih peristiwa yang bersesuaian untuk pengumpulan dan pengklasifikasian data kajian data. Setelah meneliti dan membuat pilihan peristiwa yang bersesuaian, signifikan dan relevan pengkaji mengeluarkan data-data dan melakukan proses analisis mengikut prinsip perancangan dalam Pendekatan Pengurusan. Prinsip Perancangan, iaitu prinsip pertama dalam Pendekatan Pengurusan. dianalisis berdasarkan Model Prinsip Perancangan, iaitu (i) menetapkan objektif, (ii) membentuk strategi (iii) kajian semula strategi (iv) memilih strategi dan, (v) pencapaian objektif.

ANALISIS PERANCANGAN DALAM “*DOWNFALL (2004)*”

Peristiwa-peristiwa tertentu yang diangkat oleh pengarang dalam naratif penceritaan ini telah dianalisis menggunakan peringkat-peringkat perancangan sebagaimana yang diketengahkan dalam prinsip perancangan. Prinsip perancangan pada watak pemimpin ini telah dianalisis berdasarkan Model Dimensi Perancangan, iaitu (i) menetapkan objektif, (ii) membentuk strategi, (iii) kajian semula strategi, (iv) memilih strategi, dan (v) pencapaian objektif.

Hasil analisis kajian mendapati untuk mencapai objektif seperti yang disasarkan, pemimpin tidak semestinya melalui kesemua peringkat perancangan yang diketengahkan. Peringkat perancangan seperti (i) menetapkan objektif, (ii) membentuk strategi, (iii) memilih strategi amat menyerlah dan mendominasi teks-teks kajian bawah prinsip ini. Peringkat-peringkat perancangan tersebut telah diaplikasikan dan diterapkan watak-watak terpilih untuk merealisasikan objektif. Secara keseluruhannya, hasil analisis kajian menunjukkan bahawa peringkat-peringkat perancangan yang dianalisis dalam teks kajian ini merupakan indikator penting yang menjadi kayu pengukur dalam menguji keberkesanan tindakan watak pemimpin dalam melaksanakan objektif telah diekspresikan dalam kajian ini. Dalam konteks perbincangan dan penelitian terhadap filem “*Downfall (2004)*”, perancangan dapat dibuktikan melalui pengaplikasian oleh beberapa watak untuk menunjukkan taat setia mereka kepada tanah air yang tercinta. Perbincangan dimensi perancangan dalam filem ini diperlihatkan menerusi dimensi peristiwa perancangan pertama, kedua, ketiga dan keempat yang diwujudkan oleh watak-watak tersebut sebagai watak utama. Jadual 1 yang berikut memaparkan klasifikasi peristiwa perancangan dalam filem *Downfall (2004)*:

Jadual 1: Klasifikasi Peristiwa Perancangan dalam filem *Downfall (2004)*

Peristiwa Perancangan (PP)	Tajuk Peristiwa
PP1	Peristiwa Perancangan Adolf Hitler Mencari Setiausaha Peribadi
PP2	Peristiwa Perancangan Himmler Memujuk Adolf Hitler Meninggalkan Berlin
PP3	Peristiwa Perancangan Adolf Hitler Melancarkan Serangan Kembali ke Tentera Merah dan Membunuh Diri
PP4	Peristiwa Perancangan Bunuh Diri Beramai-Ramai oleh Keluarga Goebbels di Berlin

Analisis Perancangan Bestari dalam filem *Downfall* (2004)

Dalam analisis ini, pengkaji mengenal pasti dan menganalisis prinsip perancangan yang terdapat pada watak utama dan watak sampingan terpilih dalam teks-teks kajian terpilih. Watak utama dan watak sampingan dalam teks-teks kajian diteliti dan dianalisis secara mendalam menggunakan Model Dimensi Perancangan bawah Pendekatan Pengurusan.

Watak yang menjadi analisis perbincangan termasuklah Adolf Hitler, Himmler dan Joseph Goebbels. Watak-watak tersebut mengatur strategi menggunakan aspek perancangan rapi agar dapat mencapai tujuan yang mereka tetapkan. Pemimpin Jerman berideologi Nazi, Adolf Hitler telah membuat perancangan dan strategi bagi meraih kemenangan dalam peperangan antara Jerman dan negara musuh iaitu Rusia. Pegawai-pegawai atasan, para tentera serta isterinya yang bernama Eva Braun telah bersumpah setia untuk bersama-sama memenangi peperangan ini. Mereka tidak mahu diejek dan dipandang rendah oleh negara lain dengan kekalahan yang mereka hadapi.

Perancangan harus bermula dengan penetapan objektif, iaitu tujuan yang hendak dicapai, kemudian diteruskan dengan mereka dan membentuk strategi yang digunakan untuk mencapai objektif, diikuti memilih strategi. strategi tersebut digunapakai untuk mencapai objektif. Penilaian semula memastikan objektif dapat dicapai atau sebaliknya. Pemilihan peristiwa-peristiwa ini bertitik tolak daripada kesesuaian pengaplikasian peringkat-peringkat perancangan yang begitu menyerlah yang diimplementasikan oleh watak-watak dalam teks-teks kajian. Peristiwa yang digunakan untuk membincangkan pengaplikasian prinsip perancangan termasuklah (i) *PP1 – Peristiwa Perancangan Adolf Hitler Mencari Setiausaha Peribadi*, (ii) *PP2 - Peristiwa Perancangan Himmler Memujuk Adolf Hitler Meninggalkan Berlin*, (iii) *PP3 - Peristiwa Perancangan Adolf Hitler Melancarkan Serangan Kembali ke Tentera Merah dan Membunuh Diri* dan (iv) - *Peristiwa Perancangan Bunuh Diri Beramai-Ramai oleh Keluarga Goebbels di Berlin*. Analisis bagi setiap perancangan adalah seperti berikut:

PP1 – Peristiwa Perancangan Adolf Hitler Mencari Setiausaha Peribadi

Berdasarkan PP1, Adolf Hitler telah membuat perancangan bestari bagi mendapatkan setiausaha sulit bagi memudahkan urusan surat-menyurat sewaktu pemerintahannya. Perancangan bestari yang diaplikasikan oleh Hitler digambarkan menerusi Jadual 2 di bawah:

Jadual 2: Peristiwa Perancangan dalam PP1

Dimensi Perancangan	Peristiwa Perancangan
Dimensi 1: Menetapkan Objektif	Adolf Hitler menghadapi kesukaran dalam menguruskan hal surat-menyurat dan beliau ingin mencari setiausaha peribadi untuk meringankan bebannya.
Dimensi 2: Membentuk Strategi	<i>Mengundang sebilangan wanita ke kubu pertahanan.</i>
	<i>Menemuramah kesemua calon</i> setiausaha tersebut.
Dimensi 3: Kajian Semula Strategi	Adolf Hitler mendapati bahawa strategi <i>Mengundang</i> sebilangan wanita ke kubu pertahanan, <i>Menemuramah</i> kesemua calon setiausaha tersebut yang pernah dilakukan yang diaplikasikannya berkesan kerana beliau berjaya menemukan orang yang sesuai dengan jawatan setiausaha tersebut.
Dimensi 4: Memilih Strategi	S1 - Mengundang sebilangan wanita S2 - Menemuramah kesemua calon
Dimensi 5: Pencapaian Objektif	Adolf Hitler berjaya mencapai objektif.

Berdasarkan Dimensi 1, Adolf Hitler telah menetapkan objektifnya sejak awal lagi, iaitu Adolf Hitler menghadapi kesukaran dalam menguruskan hal surat-menyurat dan beliau ingin mencari setiausaha peribadi untuk meringankan bebannya. Beliau menetapkan kriteria yang tersendiri bagi mereka yang ingin memegang jawatan setiausaha tersebut. Maka, beliau telah membentuk lima strategi di Dimensi 2, iaitu (i) *S1 - Mengundang sebilangan wanita*, dan (ii) *S2 - Menemuramah kesemua calon*.

Strategi pertama, iaitu *mengundang sebilangan wanita (S1)* telah dipilih oleh Adolf Hitler untuk mencapai objektifnya. Peranan setiausaha amat penting untuk beliau bagi melancarkan semua urusan surat-menyurat. Beliau menetapkan kriteria yang tersendiri bagi mereka yang ingin memegang jawatan setiausaha tersebut. Hal ini adalah kerana watak dan perwatakan beliau sangat terkenal dengan ketegasan dan sikap pantang menyerah kalah. Babak ini jelas menunjukkan bahawa hanya orang yang sabar dan cekal sahaja sesuai menjawat jawatan tersebut. Peristiwa Adolf Hitler membentuk strategi mencari setiausaha peribadinya adalah seperti petikan di bawah:

General : Mein Führer, the ladies from Berlin are here.

Adolf Hitler: Thank you for coming in the middle of the night. Sometimes, during a war, one is not in control of time.

(Filem *Downfall*, 2004)

Setelah mengundang wanita tersebut, beliau telah membentuk strategi kedua, iaitu *menemuramah kesemua calon setiausaha* tersebut (S2). Hal ini berikutan kerana beliau ingin mengenali dengan lebih mendalam setiap calon yang hadir ke temuduga tersebut. Berdasarkan S2, Adolf Hitler bertanyakan nama kesemua calon sebaik sahaja mereka sampai di kubu pertahanan

miliknya. Calon-calun wanita tersebut kelihatan gentar namun teruja apabila disapa oleh sosok terkenal negara mereka. Peristiwa Adolf Hitler menemuramah kesemua calon tersebut adalah seperti petikan di bawah:

Adolf Hitler : Can I ask your name?

Wanita 1 : Margarethe Lorenz, from Fulda.

Adolf Hitler : And what is your name?

Wanita 2 : Ursula Puttkammer. Heil, Mein Führer.

Wanita 2 : Frankfurt am Main, Mein Führer.

Wanita 3 : Hannag Potrovsky, born and raised in Berlin.

Wanita 4 : Hedwig Brandt from Crailsheim, Swaben.

Wanita 5 : Traudl Humps. I'm from Munich.

(Filem *Downfall*, 2004)

Berdasarkan petikan-petikan tersebut, strategi Adolf Hitler membuahkan hasil apabila calon setiausaha bernama Traudl Humps menepati kriteria yang telah ditetapkan. Selain itu, Adolf Hitler juga hanya menguji kemahiran wanita itu sahaja dan tidak pada wanita lain. Hal ini adalah kerana Hitler sudah tertarik dengan kecekapan dan kebolehannya dalam urusan menaip tersebut. Traudl Humps diberikan jawatan setiausaha peribadi serta-merta oleh Adolf Hitler pada ketika itu. Kesimpulannya, Adolf Hitler telah berjaya mencapai objektifnya.

PP2 – Peristiwa Perancangan Adolf Hitler Mencari Setiausaha Peribadi

Berdasarkan PP2, tergambar Tindakan Himmler cuba memujuk Hitler untuk meninggalkan Berlin. Perancangan bestari yang diaplikasikan oleh Himmler digambarkan menerusi Jadual 3 di bawah:

Jadual 3: Peristiwa Perancangan dalam PP2

Dimensi Perancangan	Peristiwa Perancangan
Dimensi 1: Menetapkan Objektif	Himmler cuba memujuk Hitler untuk meninggalkan Berlin selepas negara itu diserang Rusia.
	<i>Meyakinkan</i> Hitler untuk melarikan diri.
	<i>Menegaskan</i> bahawa Hitler akan menang atau mati di Berlin.
Dimensi 3: Kajian Semula Strategi	Himmler mendapati bahawa strategi <i>meyakinkan</i> Hitler untuk melarikan diri dan <i>menegaskan</i> bahawa Hitler akan menang atau mati di Berlin boleh membuat Adolf Hitler terus selamat dan berada di bawah perlindungan tenteranya.
Dimensi 4: Memilih Strategi	S1 - Meyakinkan Hitler untuk melarikan diri

	S2 - Menegaskan bahawa Hitler akan menang atau mati di Berlin
Dimensi 5: Pencapaian Objektif	Himmler gagal mencapai objektif kerana Hitler tegas ingin berjuang bermati-matian di Berlin.

Berdasarkan Dimensi 2, Himmler telah berazam untuk meyakinkan Hitler bahawa perbuatan melarikan diri adalah suatu tindakan yang baik bagi memperoleh kemenangan sewaktu peperangan. Namun begitu, beliau mempunyai niat tersembunyi bagi mencapai keinginannya sendiri. Oleh itu, beliau telah membentuk tiga strategi sebagaimana telah dinyatakan di Dimensi 2, iaitu (i) *S1 –Meyakinkan Hitler untuk melarikan diri* dan (ii) *S2 – Menegaskan bahawa Hitler akan menang atau mati di Berlin*.

Himmler mengorak langkah dengan melaksanakan strategi pertama, iaitu *meyakinkan Hitler untuk melarikan diri (S1)*. Himmler menyatakan bahawa Berlin tidak lagi selamat dan tidak bakal memenangi peperangan antara Jerman dan Rusia. Beliau bersungguh-sungguh memberi pendapat bahawa masih belum terlambat lagi untuk melarikan diri sebagai perlindungan buat diri dan isterinya. Peristiwa Himmler meyakinkan Hitler untuk melarikan diri adalah seperti petikan di bawah:

Himmler: Mein Führer, I beg you to leave Berlin. It is not too late yet.

(Filem *Downfall*, 2004)

Bagi menjayakan objektifnya lagi, Himmler membentuk strateginya kedua, iaitu *menegaskan bahawa Hitler akan menang atau mati di Berlin (S2)*. Hal ini adalah kerana Himmler ingin mencetuskan provokasi selepas kedegilan Hitler yang tidak mahu meninggalkan negara itu. Walaubagaimana pun, usahanya masih tidak berjaya kerana Hitler tetap ingin berjuang di tanah airnya walaupun perlu mengorbankan harta dan nyawa yang disayangi. Perkara ini bukanlah suatu perkara besar, sebaliknya hanyalah perkara yang remeh sekaligus memperingatkan Hitler bahawa peperangan berada di bawah tanggungjawab sepenuhnya sebagai pemimpin Nazi di negara itu. Peristiwa Himmler menegaskan bahawa Hitler akan menang atau mati di Berlin adalah seperti petikan di bawah:

Adolf Hitler : I don't do politics anymore. I'm fed up with it. When I'm dead, you'll have plenty of time for politics.

(Filem *Downfall*, 2004)

Berdasarkan petikan-petikan tersebut, strategi Himmler tidak membuahkan hasil apabila Adolf Hitler sama sekali tidak mahu menjejakkan kaki selain negara Jerman tersebut. Hal ini adalah kerana sifat taat setia dan cinta akan negaranya yang mendalam sehinggakan beliau sanggup mati di tanah airnya itu. Kesimpulannya, Himmler gagal mencapai objektif yang ditetapkan.

PP3 – Peristiwa Perancangan Adolf Hitler Melancarkan Serangan Kembali ke Tentera Merah dan Membunuh Diri

Berdasarkan PP3, Adolf Hitler telah membuat perancangan bestari bagi melancarkan serangan balas ke negara Rusia. Perancangan bestari yang diaplikasikan oleh Hitler digambarkan menerusi Jadual 4 di bawah:

Jadual 4: Peristiwa Perancangan dalam PP3

Dimensi Perancangan	Peristiwa Perancangan
Dimensi 1: Menetapkan Objektif	Adolf Hitler memerintahkan pasukan komander melancarkan serangan kembali ke musuh dan membunuh diri.
Dimensi 2: Membentuk Strategi	Hitler <i>mengemukakan dasar bumi hangus</i> kepada Menteri Senjata Albert Speer.
	<i>Menikahi</i> Eva Braun
	<i>Meracun</i> anjingnya Blondi dan membunuh diri dengan Eva.
Dimensi 3: Kajian Semula Strategi	Adolf Hitler mendapati bahawa strategi <i>mengemukakan dasar bumi hangus</i> kepada Menteri Senjata Albert Speer, <i>Menikahi</i> Eva Braun dan <i>Meracun</i> anjingnya Blondi dan membunuh diri dengan Eva yang diaplikasikannya berkesan kerana beliau berjaya membunuh diri setelah serangan balasnya itu gagal.
Dimensi 4: Memilih Strategi	S1 - Mengemukakan perintah bumi hangus S2 – Menikahi Eva Braun S3 - Meracun anjingnya Blondi dan membunuh diri dengan Eva.
Dimensi 5: Pencapaian Objektif	Adolf Hitler berjaya mencapai objektifnya.

Berdasarkan Dimensi 1, Adolf Hitler telah menetapkan objektifnya, iaitu ingin melancarkan serangan balas ke Tentera Merah iaitu Rusia. Adolf Hitler menghadapi kesukaran dalam memperoleh kemenangan untuk negaranya. Hal ini adalah kerana Jerman menghadapi serangan bertubi-tubi daripada pihak musuh sekaligus menyebabkan tentera-tentera Jerman terkorban dan kelengkapan senjata turut terjejas. Dimensi 2 menunjukkan bahawa beliau telah membentuk lima strategi bagi mencapai objektif tersebut, iaitu (i) *S1 – Mengemukakan perintah bumi hangus*, (ii) *S2 – Menikahi Eva Braun*, dan (iii) *S3 – Meracun anjingnya, blondi dan membunuh diri dengan Eva*.

Strategi pertama memperlihatkan bahawa Adolf Hitler *mengemukakan perintah bumi hangus kepada Menteri Senjata, iaitu Albert Speer (S1)*. Perintah bumi hangus merujuk kepada Unternehmen Nordlicht (Operasi Cahaya Utara) atau perintah pembakaran dan pelupusan beberapa tempat seperti, rumah, gereja, sekolah dan rumah sakit. Adolf Hitler juga merancang untuk melepaskan binatang ternakan daripada kandangnya dan membunuh kesemua binatang tersebut. Selain itu, Hitler turut bertindak kejam memisahkan sejumlah besar kanak-kanak daripada ibu bapa mereka. Kesemua perintah ini telah diberitahu oleh Hitler kepada Albert Speer. Para tentera perlu mengikuti perintah ini walaupun kedengaran kejam dan tidak berperikemanusiaan. Namun begitu, kekejaman tersebut tidak memberi apa-apa kesan kepada Hitler kerana perintah tersebut mendatangkan kebaikan kepada negaranya. Peristiwa Hitler

mengemukakan perintah bumi hangus kepada Menteri Senjata, Albert Speer adalah seperti petikan di bawah:

Adolf Hitler: The scorched-earth order... I really have to go now. You know, Speer. There's an advantage to those bombings. It's easier to clean up debris than to demolish everything ourselves. When the war will be over, reconstruction will be quick.

Seterusnya, Hitler mengatur strategi kedua, iaitu *menikahi Eva Braun (S2)*, kekasih hatinya. Beliau sangat mencintai kekasih hatinya kerana kesetiaan wanita itu yang sentiasa menyokongnya dalam apa jua perkara. Eva Braun juga sentiasa diarahkan untuk menjaga anjing peliharaannya, Blondi ketika Hitler sibuk bertugas di pejabat. Tujuan utama beliau menikahi Eva Braun adalah mereka telah bersumpah untuk sehidup semati bersama-sama sejak awal perkenalan mereka lagi. Semasa Berlin menghadapi peperangan dengan Rusia, Adolf Hitler berhasrat untuk menikahinya sebelum membunuh diri pada ketika itu. Peristiwa Adolf Hitler menikahi Eva Braun adalah seperti petikan di bawah:

Paderi : Do you, Mein Führer, Adolf Hitler... take Eva Braun, present here, as your wife?

Adolf Hitler: Yes.

(Filem *Downfall*, 2004)

Selepas menikahi kekasih hatinya, tanpa melengahkan masa Hitler terus melaksanakan strategi ketiga, iaitu *meracun anjing Blondi dan membunuh diri bersama isterinya, Eva Braun (S3)*. Hitler menolak kenyataan bahawa Berlin telah kalah teruk dalam peperangan dengan Rusia. Beliau juga sering mengungkapkan rasa tidak ingin menyerah kalah walaupun telah diberikan amaran beberapa kali oleh orang kanan dan pegawai atasannya. Anjing peliharaannya juga tidak dibenarkan hidup dan perlu mati bersama-sama dengan mereka berdua. Hal ini adalah kerana beliau ingin melupakan jejaknya dan tidak ingin dijumpai sama sekali. Sebelum mereka membunuh diri, mereka turut sempat mengadakan perjumpaan terakhir sebagai tanda perpisahan sesama mereka. Peristiwa Adolf Hitler meracun anjing Blondi dan membunuh diri bersama isterinya, Eva Braun adalah seperti petikan di bawah:

Adolf Hitler : The poison starts working after one or two seconds. Come, Blondi.

(Filem *Downfall*, 2004)

Berdasarkan petikan-petikan tersebut, strategi Adolf Hitler memperlihatkan suatu kejayaan baginya dan isteri. Adolf Hitler sempat meninggalkan wasiat dan permintaan terakhirnya sebelum dia dan isterinya menembak diri mereka sendiri. Perkara ini dikira sebagai Adolf Hitler berjaya mencapai objektifnya.

PP4 – Peristiwa Perancangan Bunuh Diri oleh Keluarga Goebbels beramai-ramai di Berlin

Berdasarkan PP4, Joseph Goebbels dan isterinya, Magda telah membuat perancangan bestari bagi membunuh diri bersama-sama keluarganya bagi menolak kenyataan kekalahan Jerman dalam peperangan. Perancangan bestari yang diaplikasikan oleh Goebbels digambarkan menerusi Jadual 5 di bawah:

Jadual 5: Peristiwa Perancangan dalam PP4

Dimensi Perancangan	Peristiwa Perancangan
Dimensi 1: Menetapkan Objektif	Menteri Propagand Joseph Goebbels memulakan insiden bunuh diri beramai-ramai setelah kematian Hitler dan Eva Braun.
Dimensi 2: Membentuk Strategi	<i>Mengadakan rundingan penyerahan bersyarat</i> dengan Jeneral Soviet Vasily Chuikov.
	Goebbels <i>menolak kenyataan tentang kekalahan Jerman.</i>
	Goebbels dan Magda <i>meracuni 6 orang anaknya</i> dengan Sianida
	<i>Bunuh diri bersama isterinya.</i>
Dimensi 3: Kajian Semula Strategi	Goebbels mendapati bahawa strategi <i>mengadakan rundingan penyerahan bersyarat, menolak kenyataan tentang kekalahan, meracuni 6 orang anaknya</i> dan <i>bunuh diri</i> yang diaplikasikannya berkesan kerana beliau berjaya membunuh diri setelah serangan balasnya itu gagal.
Dimensi 4: Memilih Strategi	S1 - Mengadakan rundingan penyerahan bersyarat S2 - Menolak kenyataan tentang kekalahan Jerman S3 - Meracuni 6 orang anaknya S4 - Bunuh diri
Dimensi 5: Pencapaian Objektif	Goebbels berjaya mencapai objektif kerana banyak pegawai kerajaan dan tentera juga mengikut jejak langkahnya untuk membunuh diri.

Berdasarkan Dimensi 1, Goebbels telah menetapkan objektifnya iaitu menyimpan rasa untuk membunuh diri bersama keluarganya secara beramai-ramai di Berlin. Oleh itu, beliau telah membentuk lima strategi sepertimana telah dinyatakan di Dimensi 2, iaitu (i) *S1 – Mengadakan rundingan penyerahan bersyarat*, (ii) *S2 – Menolak kenyataan tentang kekalahan Jerman*, (iii) *S3 – Meracuni 6 orang anaknya* dan (iv) *S4 – Bunuh diri bersama isterinya*.

Goebbels memulakan langkahnya dengan melaksanakan strategi pertama iaitu *mengadakan rundingan penyerahan bersyarat dengan Jeneral Soviet, iaitu Vasily Chuikov (S1)* mengenai peperangan antara Jerman dan Rusia. Beliau cuba mengenakan beberapa syarat kepada Vasily Chuikov sebelum bersetuju untuk mengisytiharkan kekalahan ke atas tangan Rusia. Walaubagaimana pun, usaha beliau tidak membuahkan hasil apabila syarat yang dikenakan ditolak secara mentah oleh Vasily, kerana beliau berpendapat bahawa Jerman sudahpun kalah secara keseluruhan. Di samping itu, Jerman tidak perlu mengenakan sebarang syarat kerana negara

itu tidak akan menang dalam peperangan ketika itu. Peristiwa Goebbels mengadakan rundingan penyerahan bersyarat adalah seperti petikan di bawah:

General: My government will never accept unconditional surrender. Given the situation, you have no other choice.

(Filem *Downfall*, 2004)

Selepas strategi pertama gagal, Goebbels meneruskan lagi langkah seterusnya, iaitu *menolak kenyataan tentang kekalahan Jerman (S2)*. Beliau bertindak sedemikian kerana rundingan penyerahan bersyaratnya gagal menemukan jalan kerana dianggap mereka telahpun kalah. Rundingan yang dibuat telah dianggap suatu perbuatan yang sia-sia dan tidak akan mendatangkan kemenangan ke negara Jerman. Jeneral Vasily Chuikov seperti mengejek usaha Goebbels, malah diperintahkan untuk mengaku sahaja kekalahan mereka. Perbuatan menghina usaha Goebbels ibarat mencemarkan nama baik Adolf Hitler pada ketika itu. Oleh itu, Goebbels bertindak untuk membantah saranan Vasily Chuikov dengan menyatakan bahawa mereka tidak akan mengalah walaupun telah menanggung banyak kerugian. Peristiwa Goebbels menolak kenyataan tentang kekalahan Jerman adalah seperti petikan di bawah:

Goebbels: Surrender? Never. That's shameful. I'll never sign a surrender treaty. I repeat gentlemen. I do not surrender.

(Filem *Downfall*, 2004)

Berikutnya, Goebbels dan isterinya merancang untuk mengikut jejak langkah Adolf Hitler dan isterinya untuk membunuh diri. Beliau merancang strategi ketiga, iaitu *meracuni 6 orang anaknya dengan Sianida (S3)*. Racun tersebut diperoleh daripada seorang doktor di kubu pertahanan tersebut. Bagi mendapatkan *Sianida* tersebut, isteri Joseph Goebbels, iaitu Magda bertindak untuk berjumpa sendiri dengan doktor tersebut. Joseph dan Magda tidak mahu anaknya disakiti dan mengalami kesusahan sewaktu negara sedang menghadapi peperangan sekaligus kalah ke atas tangan Rusia. Oleh itu, pasangan suami isteri tersebut bertindak memberi makan *Sianida*, iaitu gas kimia beracun berbentuk kapsul kepada anak-anak mereka sebelum mereka tidur pada malam itu. Anak-anak mereka dilihat mengikut perintah ibu bapa mereka dan bertindak untuk memakan ubat tersebut tanpa rasa ragu-ragu. Peristiwa Goebbels dan Magda meracuni 6 orang anaknya dengan *Sianida* adalah seperti petikan di bawah:

Magda: Children, the doctor has the medication I told you about. It's a bit bitter, but it will work. Heide, have another sip. That wasn't so bad. Well done. Helmut. This medication makes sure you don't get ill in this humid bunker. Helga, you have to drink the medicine.

(Filem *Downfall*, 2004)

Seterusnya, usaha Joseph dan Magda di strategi ketiga membuahkan hasil apabila anak-anak mereka mati dalam tidur kerana telah diberikan makan racun pada malam itu. Pasangan suami isteri itu tiada apa lagi yang tinggal di sisi mereka. Situasi menjadi kelam selepas anak-anak meninggalkan mereka. Oleh itu, Joseph dan Magda merancang strategi terakhir, iaitu *bunuh diri bersama isterinya (S4)*. Mereka berdua turut meminta untuk para tentera membakar mayat mereka. Kematian mereka berlaku di luar kubu pertahanan dan dimulakan dengan Joseph yang

menembak isterinya terlebih dahulu dan diikuti oleh beliau sendiri dengan menembak dirinya di kepala. Sejurus itu, para tentera terus bertindak membakar mayat mereka ke dalam tanah yang telah digali. Peristiwa Joseph bunuh diri bersama isterinya adalah seperti petikan di bawah:

Joseph Goebbels: Let's do it. One day the lie will collapse... and truth will triumph once again.

(Filem *Downfall*, 2004)

Berdasarkan petikan-petikan tersebut, strategi Joseph Goebbels mencapai objektifnya apabila beliau dan isterinya membunuh diri mereka. Mayat mereka juga telah dilupuskan kerana dibakar oleh para tentera seperti yang diarahkan oleh mereka sebelum mati. Tambahan pula, semakin ramai pegawai dan para tentera turut membunuh diri mereka kerana mereka telah menanggung kekalahan yang besar dengan musuh, iaitu Rusia.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, karya terpilih Jerman, iaitu *Downfall* merupakan teks kajian terpilih yang memperlihatkan kecenderungan yang tinggi dalam memaparkan salah satu prinsip pengurusan yang diketengahkan oleh Mohamad Mokhtar Abu Hassan (2013), iaitu prinsip perancangan. Peringkat-peringkat perancangan yang diaplikasikan oleh watak-watak pemimpin dalam prinsip ini mempengaruhi gaya kepimpinan seseorang pemimpin dalam memacu hala tuju organisasi ke arah mencapai objektif yang telah ditetapkan. Berdasarkan perbincangan dan analisis kajian yang dijalankan menggunakan Prinsip Perancangan dalam teks-teks kajian, hasil dapatan kajian memperlihatkan suatu kecenderungan yang positif dalam menyokong prinsip yang diketengahkan. Hal ini amat signifikan dan relevan kerana perancangan merupakan satu aspek penting yang perlu diberi perhatian oleh pemimpin dalam pengurusan sesebuah organisasi. Analisis peristiwa yang dilakukan secara rinci memperlihatkan pengaplikasian dimensi-dimensi perancangan yang diimplementasikan oleh watak yang ditimbulkan dalam kajian mematuhi prinsip perancangan yang diketengahkan Mohamad Mokhtar Abu Hassan (2013). Kemampuan pemimpin untuk menggariskan langkah-langkah proaktif, tepat, konsisten dan rasional dalam pentadbiran organisasinya telah melonjakkan karisma dan keintelektualan seseorang pemimpin selain menyusun rancangan rapi untuk mencegah kesan-kesan negatif dan mengatasi masalah yang diramal bakal timbul merupakan satu lagi karisma yang dipancarkan dalam teks kajian ini menyerlahkan kepentingan aspek pengurusan khususnya perancangan bijak yang dapat ditekuni dalam teks-teks berkenaan.

RUJUKAN

- Abdullah, I. (2009). *Seni Budaya, Media, dan Konflik Jati Diri*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abu Hassan, M. M. (2013). *Pendekatan Pengurusan: Satu Metode Dalam Kritikan Sastera*. Himpunan Ilmuwan Sastera Melayu Malaysia Kedua Universiti Perguruan Sultan Idris, 4-5 Oktober.
- Abdullah, R. (1998). *Asas Pengurusan*. Utusan Publication & Distributor Sdn. Bhd.
- Beden, S. (2018). *Perancangan Bestari dalam "Hikayat Khoja Maimun": Aplikasi Prinsip Perancangan dalam Pendekatan Pengurusan*. *Malay Literature*, 31(1), 69–97. [https://doi.org/10.37052/ml.31\(1\)no4](https://doi.org/10.37052/ml.31(1)no4)
- Ismail, M. Z., Beden, S., & Abu Hassan, M. M. (2015). *Hikayat Awang Sulung Merah Muda Dari Perspektif Pendekatan Pengurusan*. *Jurnal Pengajian Melayu*, 26(1), 95–116. <http://ejournal.um.edu.my/index.php/JPM/article/view/9697>.
- Ismail, M. Z. (2017). *Kajian Cerita Lipur Lara Terpilih Berdasarkan Pendekatan Pengurusan*. Tesis Ijazah Sarjana Kedoktoran. Universiti Malaya.
- Koontz, H., & Weihrich, H. (1997). *Pengurusan*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhamad, J. (1999). *Asas Pengurusan*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.
- Nichols, B. 1976. *Movie and Methods* (Vol. 1). California: University of California Press.
- Omar, A. C. (2003). *Pengurusan Di Malaysia Dari perspektif Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.